

14 OCT 1997

ANGGOTA NUBE PAKAI LENCANA KHAS SOKONG PM

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Seramai 30,000 anggota Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank (NUBE) akan memakai lencana khas selama tiga hari bermula esok bagi menunjukkan sokongan mereka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agung NUBE K.Sanmugam hari ini berkata dalam satu kenyataan di sini bahawa lencana tersebut mengandungi kata-kata "NUBE Menyokong Dr Mahathir" dan akan dipakai oleh anggotanya di bank komersil dan syarikat kewangan.

"NUBE menganggap kemerosotan nilai mata wang dan krisis pasaran saham adalah perbuatan mereka yang tidak bertanggungjawab dan cuba menghilangkan kewibawaan Perdana Menteri kita, Dr Mahathir.

"Tetapi mereka tidak sedar bahawa Dr Mahathir mendapat sokongan sepenuhnya daripada rakyat negara ini dan sebarang cubaan menjatuhkan beliau bererti memusnahkan setiap rakyat Malaysia," katanya.

Katanya NUBE yakin Dr Mahathir mampu mengatasi krisis ini.

NUBE juga melahirkan keyakinannya bahawa pelabur-pelabur tidak akan terpengaruh dengan media Barat yang memberi gambaran tidak baik mengenai Malaysia memandangkan ia mempunyai rekod yang baik sehingga dicemburui oleh sesetengah negara lain.

NUBE menyokong Dr Mahathir semata-mata berdasarkan rekod prestasinya sejak beliau menjadi Perdana Menteri.

Antara pencapaiannya ialah mewujudkan peluang pekerjaan untuk semua, peluang mencari pendapatan dan kekayaan, kemudahan perumahan yang mencukupi, peningkatan tempat di sekolah dan universiti. -- BERNAMA

NHD NN NMO